



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### TUDUHAN BERSUBAHAT DENGAN RUMAH BONDA ADALAH TIDAK BERASAS DAN BERUNSURKAN FITNAH

**Putrajaya, 17 Jun** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merujuk kepada satu hantaran (*posting*) dalam Instagram pada 12 Jun 2022 yang mempertikaikan tindakan penguatkuasaan ke atas Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda (Rumah Bonda) dan menuduh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersubahat melindungi Rumah Bonda. KPWKM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang sesuai terhadap individu yang berkenaan.

Tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke atas Rumah Bonda telah dimulakan sejak Julai 2021. Berdasarkan siasatan, didapati Rumah Bonda adalah premis yang tidak berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] yang merupakan satu kesalahan di bawah Akta yang sama.

Susulan daripada itu, **tindakan lak** (*seal*) terhadap premis berkenaan telah diambil pada 12 Julai 2021 selaras dengan Seksyen 16A Akta 506. Kertas Siasatan juga telah dibuka dan **tindakan kompaun** telah diambil selaras dengan seksyen 21A Akta 506 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan

(Pengkompunan Kesalahan) 2011 serta dibuat dengan keizinan Pendakwa Raya berdasarkan fakta-fakta kes yang jelas .

Amaun kompaun sebanyak RM5,000.00 yang telah dikenakan terhadap pengendali Rumah Bonda adalah **amaun kompaun maksimum** yang boleh dikenakan di bawah Akta 506. Sekiranya kompaun tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, pendakwaan di mahkamah boleh dibuat yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekiranya sabit kesalahan.

Oleh yang demikian, tuduhan ke atas YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyatakan bahawa beliau bersubahat melindungi Rumah Bonda adalah **TIDAK BERASAS** kerana segala tindakan yang diambil oleh JKM adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Tindakan mengeluarkan kenyataan berunsurkan fitnah dengan tujuan menjatuhkan reputasi dan menangguk di air yang keruh adalah tidak wajar pada waktu perbicaraan Kes Bella masih lagi berjalan di mahkamah.

Perbincangan lanjut bersama pihak Jabatan Peguam Negara akan dilaksanakan dan laporan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akan dibuat bagi memastikan tuduhan seperti ini tidak berulang lagi.

###

Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat